

TAHAP KEYAKINAN PENJAGA TERHADAP AKTIVITI PEMBELAJARAN DALAM MEMBIMBING PELAJAR UNTUK MELAHIRKAN GENERASI ALQURAN - KAJIAN KES DI `SAR KAFA' KARIAH MASJID PANDAN SATU, KUANTAN

Hasmadi bin Hassan, Abdul Halim Hj.Taib

Universiti Malaysia Pahang
hasmadi@ump.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian kes bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi “ Tahap Keyakinan Penjaga Terhadap Aktiviti Pembelajaran `SAR-KAFA’ di Kariah Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan. Kajian ini melibatkan semua penjaga pelajar. Sebanyak 52 set borang soal-selidik telah disediakan dan diedarkan kepada penjaga melalui pihak pengurusan `SAR-KAFA’. Data-data yang telah dikumpul, dianalisis dengan menggunakan aplikasi perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 23. Darjah kebolehpercayaan (nilai alpha cronbach) bagi item soal selidik adalah .879. Kajian mendapati bahawa tahap keyakinan penjaga berada pada tahap tinggi dengan purata min ialah 4.4511. dan 4.500 bagi tahap kerjasama penjaga. Walaubagaimanapun didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keyakinan dan tahap kerjasama penjaga dengan faktor demografi keluarga pelajar. Kegagalan membaca al-Quran dengan baik dan sempurna membawa kesan yang negative dan berkekalan terhadap individu Islam. Kajian menunjukkan (Mohd. Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff dan Saidi bin Mohd yang dipetik oleh Nor Rohizan,2018) bahawa masalah yang dihadapi oleh pelajar baik di sekolah, kolej atau institusi-institusi pengajian dalam pembacaan al-Quran adalah kurang lancar membaca al-Quran, kurang menghayati hukum-hukum tajwid, lemah atau sukar menyebut `makhraj’ huruf, dan lemah tulisan jawi. Persepsi sapertimana di atas didapati berperanan dan memberi impak yang mendalam kepada tahap keyakinan penjaga terhadap aktiviti pembelajaran di “SAR-KAFA”.

KATA KUNCI

Demografi, Kebolehpercayaan, Kerjasama, Keyakinan, Signifikan, Tahap

RUJUKAN

Abdul Halim Hj. Taib (2015). *Tahap Kefahaman Fardhu Ain Pelajar Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan*. Kertas Projek Sarjana Muda Pengajian Islam (Fakulti Sains Sosial Gunaan) Universiti Terbuka Malaysia.

Alis bin Putih (2008). *Proses Pengajaran Dan Pembelajaran di Sekolah-sekolah Luar bandar: Satu Kajian di Kubang Pasu, Kedah*. Conference Paper: Seminar Pendidikan UTM Mei 2008.

Ammar Fadzil, Prof Madya Dr (2015). *AMST 5103, Isu Kontemporari Dalam Kajian Tafsir*. Pusat Reka Bentuk dan Teknologi Pengajaran, Open University Malaysia.

Bani Hidayat bin Mohd Shafie, Norhayati Fatmi Talib. *Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) Jakim*. IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor & Politeknik Banting, Selangor.

Ghazali Yusri Abd. Rahman, Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Muhammad Adsyad Abdul Majid, Muhammad Sabri Sahrir (2016). *Persepsi Terhadap Pensyarah dan Hubungannya dengan Tahap Kawalan Kepercayaan Pembelajaran*

Bahasa Arab. Kertas Kerja Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA dan Fakulti Pengajian Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.